



JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA SEKOLAH MENENGAH

PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK (2)
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

1249/1

SEJARAH

Kertas 1
Sept./Okt.
1 jam

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

- 1 Antara berikut, yang manakah sumbangan Tamadun Mesopotamia kepada peradaban manusia?
- A Membuat kolar kuda
 - B Membina bandar terancang
 - C Mencipta peralatan pertanian
 - D Mengkatalog ubat-ubatan
- 2 Mengapakah golongan pendeta begitu ditaati oleh golongan bawahan di Lembah Indus?
- A Memiliki kekayaan
 - B Mengetuai angkatan tentera
 - C Memegang tampuk pemerintahan
 - D Mengetuai upacara keagamaan
- 3 Mengapakah raja-raja Dinasti Shang menganggap pengesahan politik daripada rakyat tidak penting bagi mereka?
- A Mempunyai kuasa magis
 - B Mentadbir kompleks kota
 - C Berketurunan pemerintah agama
 - D Berkuasa mutlak dalam pemerintahan
- 4 Apakah aspek yang diberikan penekanan dalam ajaran Confucianisme yang diperkenalkan di negara China?
- A Taat setia kepada negara
 - B Persaudaraan dalam masyarakat
 - C Sanggup berkorban demi negara
 - D Mempunyai prinsip moral yang tinggi
- 5 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan kemahiran dan teknologi yang dimiliki oleh penduduk Angkor?
- A Membina kota yang tersusun
 - B Menghasilkan sistem pengairan
 - C Mencipta saluran bawah tanah
 - D Membina pintu gerbang
- 6 Mengapakah kerajaan maritim seperti Srivijaya perlu menguasai kawasan-kawasan pedalaman?
- A Mendapatkan barangan perdagangan
 - B Meningkatkan hubungan kebudayaan
 - C Menyebarkan pengaruh keagamaan
 - D Menaikkan imej kerajaan

- 7 Pernyataan berikut menerangkan tentang kegiatan ekonomi masyarakat Arab Jahiliah.

Hanya mementingkan keuntungan dan kekayaan

Apakah kesan daripada pengamalan ekonomi tersebut?

- A Amalan riba berkembang
 - B Kemewahan hidup masyarakat
 - C Sistem perhambaan berleluasa
 - D Masalah sosial dapat dikurangkan
- 8 Mengapakah masyarakat Arab Jahiliah menentang konsep persamaan taraf sesama manusia dalam ajaran Islam?

- A Mengamalkan diskriminasi antara kelas
- B Menghapuskan sistem politik berasaskan kabilah
- C Menghalang penggunaan sumber tenaga buruh
- D Menggugat pengaruh dan kedudukan politik

- 9 Senarai berikut menerangkan golongan masyarakat Arab.

- Muhajirin
- Ansar

Apakah peristiwa yang telah mempersaudarakan dua golongan di atas?

- A Perlantikan Abu Bakar al-Siddiq sebagai khalifah
 - B Penghijrahan orang Islam Makkah ke Madinah
 - C Perletakan semula Hajar Aswad ke tempat asal
 - D Perjanjian Hudaibiyah ditandatangani
- 10 Mengapakah Nabi Muhammad SAW membuka semula Kota Makkah?
- A Kehebatan Islam dapat ditonjolkan
 - B Meningkatkan peluang ekonomi
 - C Mewujudkan pusat pemerintahan baru
 - D Arab Quraisy melanggar Perjanjian Hudaibiyah

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 11 Mengapakah Khalifah Abu Bakar al-Siddiq membahagikan daerah-daerah yang dikuasainya kepada sepuluh wilayah?
- A Memelihara keamanan negara
 - B Melicinkan pentadbiran kerajaan
 - C Menghalang penentangan musuh
 - D Meningkatkan perkembangan ekonomi

- 12 Institusi berikut memainkan peranan penting dalam perkembangan Islam di Asia Tenggara.

- Istana
- Pondok
- Surau
- Madrasah

Persamaan peranan institusi di atas ialah sebagai tempat

- A beribadat
 - B pendidikan formal
 - C rujukan pentadbiran
 - D penyatuan masyarakat
- 13 Apakah faktor yang mendorong rakyat kawasan takluk Melaka memeluk Islam?
- A Menjamin kuasa raja
 - B Memperoleh keistimewaan
 - C Mendapat pengecualian cukai
 - D Menghadapi ancaman pengaruh luar
- 14 Maklumat di bawah menerangkan cara hubungan individu masyarakat Melayu dengan ibu bapa dan orang yang lebih tua.

- Panggilan *mak long* dan *pak long*
- Merendah suara bila bercakap
- Mencium tangan ketika bersalaman

Apakah gambaran daripada nilai-nilai murni tersebut?

- A Toleransi
- B Dedikasi
- C Amanah
- D Menghormati

15 Perdagangan dalam kalangan orang Melayu berkembang setelah kedatangan Islam kerana

- A budaya turun temurun .
- B sumber rezeki yang besar
- C bantuan pihak pemerintah
- D kedudukan kerajaan yang strategik

16 Mengapakah pihak gereja dianggap mengongkong masyarakat Eropah pada Zaman Pertengahan?

- A Memiliki hartanah yang banyak
- B Menentang pengenalan sistem feudal
- C Menumpukan pembelajaran keakhiratan
- D Menggubal undang-undang untuk kepentingan mereka

17 Maklumat di bawah berkaitan dengan Revolusi Pertanian di Eropah.

Sebelum tahun 1761, tuan tanah di Britain menghadapi masalah untuk mengusahakan pertanian secara besar-besaran.

Apakah halangan yang dihadapi oleh tuan tanah?

- A Ketiadaan modal
- B Kekurangan kemahiran
- C Sukar mendapat tenaga buruh
- D Sistem pemilikan tanah awam

18 Pernyataan di bawah merujuk kepada amalan dalam aktiviti perlombongan.

Sesuai kawasan dalam masyarakat Melayu tradisional yang hendak diusahakan untuk tujuan perlombongan bijih timah akan disemah terlebih dahulu oleh pawang.

Apakah kepercayaan daripada upacara tersebut?

- A Memperbanyak hasil
- B Mendapatkan keberkatan
- C Mengelakkan malapetaka
- D Mengatasi perbalahan

[Lihat halaman sebelah
SULIT

19 Maklumat di bawah berkaitan dengan dasar British di Tanah Melayu.

Enakmen Tanah Padi 1917

Mengapakah British memperkenalkan enakmen tersebut?

- A Melarang penanaman getah
- B Mengelakkan penjualan tanah
- C Meningkatkan eksport beras
- D Menghalang pencerobohan

20 Apakah tanggungjawab Sanitary Board mulai tahun 1911?

- A Membangunkan bandar
- B Menjaga kebersihan bandar
- C Mengawal penyakit berjangkit
- D Mengkaji punca penyakit

21 Imperialis Barat melaksanakan perubahan sistem politik di negara yang dijajah bertujuan untuk

- A melatih pembesar tempatan
- B meningkatkan pendapatan penduduk
- C menguasai ekonomi setempat
- D memodenkan gaya hidup

22 Apakah peranan akhbar pada peringkat awal di Asia Tenggara?

- A Mendapatkan kemerdekaan
- B Menyebarkan idea nasionalis
- C Menyampaikan maklumat kerajaan
- D Mendedahkan kebebasan orang Barat

- 23 Berikut merupakan dua tokoh penting dalam kebangkitan nasionalisme di Indonesia dan IndoChina.



Soekarno



Ho Chi Minh

Apakah sumbangan penting kedua-dua tokoh di atas?

- A Melaksanakan pertanian dagangan
 - B Memodenkan pentadbiran negara
 - C Mengisytiharkan kemerdekaan
 - D Memulihkan sistem pemerintahan beraja
- 24 Dialog berikut mungkin berlaku antara ahli Kaum Muda.

Azmi : Kita tidak dapat bergerak di Negeri-Negeri Melayu.

Yusuf : Ya, memang betul.

Mengapakah perkara tersebut berlaku?

- A Kekurangan kewangan
 - B Sekatan undang-undang
 - C Sikap dingin masyarakat
 - D Kesukaran sistem perhubungan
- 25 Apakah tema dalam novel Melor Kuala Lumpur yang dikarang oleh Harun Aminurrashid?
- A Kebebasan wanita
 - B Perpaduan Melayu
 - C Pembaharuan politik
 - D Kemajuan ekonomi

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 26 Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) bercadang mengadakan kongres pemuda di Kuala Lumpur pada Ogos 1945.
- Mengapakah kongres tersebut dibatalkan?
- A Komunis masih berkuasa di Tanah Melayu
 - B British kembali menguasai Tanah Melayu
 - C Pengisytiharan kemerdekaan Indonesia lebih awal
 - D Tiada kerjasama antara Tanah Melayu dan Indonesia
- 27 Mengapakah kebangkitan nasionalisme yang berasaskan persamaan rumpun bahasa dan bangsa telah mengancam empayar Austria, Rusia dan Turki pada penghujung abad ke-16?
- A Institusi raja tergugat
 - B Kemerosotan taraf hidup
 - C Penurunan nilai mata wang
 - D Tanah jajahan menuntut kemerdekaan
- 28 Daulat dalam konteks Kesultanan Melayu Melaka merujuk kepada
- A alat-alat kebesaran
 - B negeri yang ditadbir
 - C sistem pemerintahan
 - D raja yang memerintah
- 29 Apakah tujuan penubuhan Malayan Union?
- A Menyatupadukan masyarakat
 - B Penyediaan infrastruktur
 - C Penyatuan pentadbiran
 - D Memupuk taat setia rakyat tempatan
- 30 Apakah faktor penentangan Malayan Union?
- I Tanah Melayu menjadi tanah jajahan British
 - II Pemerintahan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi
 - III Tindakan Sir Edward Gent menipu Raja-raja Melayu
 - IV Kehilangan hak istimewa orang Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

31 Sistem Ahli telah dilaksanakan dari bulan Januari 1951 hingga bulan Jun 1955.

Apakah peranan ahli dalam sistem tersebut?

- A Menjaga portfolio
- B Merundingkan kemerdekaan
- C Meluluskan undang-undang
- D Menasihati Majlis Raja-raja Melayu

32 Kemenangan Parti Perikatan dalam pilihan raya 1952 dan 1954 membuktikan

- A perlu wujud sebuah parti politik berbilang kaum
- B pelbagai parti tidak menghalang kerjasama antara kaum
- C pentingnya mempunyai seorang ketua yang berpengaruh
- D pilihan raya telah diadakan pada masa yang sesuai

33 Mengapakah Indonesia menentang pembentukan Malaysia?

- A Menggugat kedaulatan
- B Menuntut hak terhadap Sabah
- C Menyaingi kemajuan ekonomi
- D Menganggapnya sebagai neokolonialisme

34 Mengapakah berlaku pemberontakan seperti dalam jadual di bawah?

Tarikh	Peristiwa
7 Disember 1962	Pemberontakan Brunei

- A Penubuhan Malaysia
- B Pengaruh Parti Komunis Malaya
- C Mengisytiharkan Dasar Konfrontasi
- D Menentang penubuhan Persekutuan Borneo

35 Senarai berikut menerangkan peranan institusi pemerintahan negara kita.

- Tonggak negara dan Ketua Utama Negara
- Simbol keutuhan dan perpaduan rakyat

Apakah institusi tersebut?

- A Parlimen
- B Jemaah Menteri
- C Perdana Menteri
- D Yang di-Pertuan Agong


36 Apakah yang dilambangkan oleh dua ekor harimau yang menyokong perisai pada Jata Negara?

- A Kegagahan
- B Kepahlawanan
- C Keberanian
- D Kekuatan

37 Mengapakah pencapaian Rancangan Malaya Pertama yang dilaksanakan pada tahun 1956 hingga 1960 kurang memberangsangkan?

- A Keselamatan negara diancam
- B Kekurangan pakar ekonomi
- C Kelemahan perancangan
- D Ketiadaan bantuan luar

- 38 Maklumat di bawah berkaitan dengan dasar pembangunan ekonomi.




Apakah kesan dasar tersebut?

- A Perluasan pasaran barangan
 - B Persaingan dengan negara jiran
 - C Pertambahan peluang pekerjaan
 - D Peningkatan pendapatan individu
- 39 Mesyuarat ketua-ketua kerajaan Komanwel (CHOGM) yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1989 telah mengisytiharkan Deklarasi Langkawi.
- Apakah yang terkandung dalam deklarasi tersebut?
- A Menyelesaikan konflik serantau
 - B Membentuk kerjasama ekonomi
 - C Membanteras penyalahgunaan dadah
 - D Mengatasi masalah pencemaran alam
- 40 Negara-negara Selatan terpaksa bergantung kepada Negara-Negara Barat yang maju kerana kekurangan
- I sumber alam
 - II modal
 - III kepakaran
 - IV tenaga buruh
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT

HALAMAN KOSONG



Daftar Isi

Kata Pengantar	ii
Daftar Isi	iii
Daftar Gambar	iv
Daftar Tabel	v

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong untuk keperluan pengisian jawaban.

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong untuk keperluan pengisian jawaban.

Daftar Isi	iii
Daftar Gambar	iv
Daftar Tabel	v
Daftar Soal	vi

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong untuk keperluan pengisian jawaban.

Daftar Isi	iii
Daftar Gambar	iv
Daftar Tabel	v
Daftar Soal	vi

Daftar Isi	iii
Daftar Gambar	iv
Daftar Tabel	v
Daftar Soal	vi

HALAMAN KOSONG